

Kesatuan nasional tonggak kejayaan Masyarakat Madani

BH - 21/11/2023 m/c: 10

● Ini menjadikan projek Madani sebagai 'gagasan besar' bagi seorang pemimpin seperti Anwar untuk diketengahkan sebagai dasar teras pembangunan negara

● Sebuah gagasan hanya akan kekal menjadi gagasan walau seagung mana selagi tidak meluncurkan ke arah pelaksanaan dasar berkesan

Oleh Muhammad Ariff Asyrul Adnan
bhrencana@bh.com.my

Dalam ruang demokrasi, pertukaran pucuk pimpinan menjadi kebiasaan seandainya negara berkenaan mengadaptasi dan mengamalkan nilai demokrasi baik. Ia juga kayu ukur menilai sejauh mana pengamalan demokrasi.

Bahkan kepelbagaian teras dasar juga adalah usaha pemerintah menjayakan ideologi nasional dalam usaha memupuk kesatuan demi kelangsungan negara. Pertukaran pucuk pimpinan juga petanda dasar teras akan berubah.

Tidak ketinggalan di Malaysia, kita berhadapan situasi sebegini. Bermula projek Bangsa Malaysia di bawah kelolaan Tun Dr Mahathir Mohamad; Islam Hadhari (Tun Abdullah Ahmad Badawi); 1Malaysia (Datuk Seri Najib Razak); Malaysia Prihatin (Tan Sri Muhyiddin Yassin)

serta Keluarga Malaysia (Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob), semuanya dasar teras negara yang kemudiannya dimansuhkan akibat pertukaran pucuk kepemimpinan.

Mungkin ada berpendapat, semuanya cuma slogan politik dijaja sebagai alat memanipulasi pemikiran rakyat. Hakikatnya, ini keperluan pemasaran politik bagi pucuk kepemimpinan menjayakan agenda digagaskan. Mungkin juga ia dilihat gagasan besar perjuangan politik bagi sesetengah ahli politik dan parti dominan dalam usaha memastikan apa diperjuangkan akan dilaksanakan atas dasar memajukan negara.

Terkini, di bawah Perdana Menteri Ke-10, Datuk Seri Anwar Ibrahim, sekali lagi teras negara diubah dan dibangunkan dengan pengenalan Malaysia MADANI dilancarkan dalam sesi amanat beliau di Putrajaya, kelmarin.

Dengan enam teras menjadi asas yakni kemampuan, kesejahteraan, daya cipta, hormat, keyakinan dan ihsan, Anwar menggagaskan usaha memartabatkan semula Malaysia di persada dunia sebagai negara makmur, adil serta menolak sebarang bentuk kezaliman.

Lebih utama, Malaysia MADANI bakal dilihat usaha utama penstrukturan semula pengurusan ekonomi negara mendepani cabaran mendatang, sekali gus satu lagi evolusi projek pembentukan identiti nasional kesan perubahan latar politik Malaysia.

Projek Madani sebenarnya bukanlah baharu. Bahkan sudah dibentuk dan dibangunkan sejak Anwar menjadi Timbalan Perdana Menteri (1990-1997) melalui agenda Masyarakat Madani.

Bahkan, perkataan madani sudah aktif diguna-

kan di Indonesia sebelumnya dalam mewacanakan soal pembangunan tamadun khususnya di Kepulauan Melayu. Di negara ini, ia digarap secara komprehensif lagi dengan idea asas 'Masyarakat Madani di Malaysia' diangkat dan dimasukkan sebagai wacana dalam ruang awam.

Konsep Madani

Sememangnya Anwar dikenali dengan sisi intelektual kuat dan boleh dilihat melalui ucapan dan tulisan beliau. Idea Madani sendiri diutarakannya dalam tulisan utamanya, Gelombang Kebangkitan Asia mengisahkan perihai demokrasi dan Masyarakat Madani.

Antara konsep penting diutarakan karamah insaniah, nahdah Asia, keadilan dan undang-undang serta akhlak dan ekonomi menjadi tunjang kepada apa digagaskan kini.

Malah, sisi Madani ini sendiri pada sekitar pertengahan 1990-an mendapat tempat dalam wacana intelektual membabitkan sarjana besar seperti Tan Sri Prof Dr Syed Muhammad Naquib al-Attas mengkonseptualisasikan makna madani itu berakar daripada makna agama untuk menyumbang ke arah kebenaran dan kehalusan definisi ini.

Ini menjadikan projek Madani sebagai 'gagasan besar' bagi seorang pemimpin seperti Anwar untuk diketengahkan sebagai dasar teras pembangunan negara.

Cuma, timbul persoalan, bagaimana strategi dan konteks pelaksanaan Malaysia MADANI yang secara konseptualnya dilihat begitu kuat dengan elemen kefalsafahan untuk dijayakan? Atas dasar itu beberapa cabaran dikenal pasti menjadi isu utama untuk menjayakannya.

Pertama, cabaran pasca pandemik COVID-19 dengan sektor utama negara mengalami kesan membawa kepada ketidaktentuan ekonomi. Ketidaktentuan ini bukan sahaja wujud di Malaysia bahkan hampir satu dunia.

Pasca pandemik COVID-19 juga memperlihatkan fenomena besar memberikan impak kepada pembangunan negara misalnya kenaikan kadar pengangguran akibat kehilangan pekerjaan, cabaran sistem kesihatan inklusif, pembangunan pendidikan komprehensif dan paling utama, kita berdepan peningkatan kos sara hidup menjadi tumpuan utama kepemimpinan Anwar.

Walaupun kadar pengangguran mulai menurun sekitar 3.6 peratus, cabaran utama kos sara hidup kekal menjadi topik hangat bagi Anwar membina cadangan penyelesaian. Mungkin projek Malaysia MADANI bakal memberikan tumpuan aspek 'karamah insaniah' membabitkan pembangunan modal insan substantif dan menyeluruh.

Cabaran seterusnya untuk memberikan dan membina kefahaman substantif dalam kalangan pembuat dasar dan kumpulan pelaksana juga antara harus ditekankan. Kita sedia maklum ke-

pemimpinan negara ini menggubal dan membina kerangka dasar pembangunan negara.

Demikian yang melaksanakannya adalah struktur di bawahnya merangkumi pembuat dan kumpulan pelaksana dasar. Apa dikhuatiri adalah projek Malaysia MADANI ini sebenarnya adalah gagasan pemikiran sukar diadaptasi ke dasar disebabkan masalah kefahaman substantif dalam kalangan pembuat dasar dan kumpulan pelaksana.

Sebuah gagasan akan kekal sebagai gagasan sahaja walau seagung mana selagi tidak meluncurkan ke arah pelaksanaan dasar berkesan. Lihat sahaja projek Islam Hadhari ketika zaman Abdullah, idea digarap baik, tetapi gagal dilaksanakan akibat lemahnya canaian dan pembinaan strategi hingga menjadi sasaran serangan pendukung konservatif yang akhirnya gagal membuahkan hasil.

Juga dari sudut peranan pertubuhan bukan kerajaan (NGO), turut wajar diberikan peranan dan ruang sebetulnya khususnya dalam menjayakan agenda pembangunan negara bangsa.

Pastikan 'kesatuan nasional' dicapai

Ketiga, cabaran kelangsungan hubungan kaum. Selari dengan ucapan Anwar menyatakan di bawah konsep Malaysia MADANI, keperluan memupuk sikap saling menghormati sesama rakyat, norma sosial dan budaya untuk memastikan keterangkuman semua, soal kelangsungan hubungan kaum juga menjadi cabaran buat kepemimpinan beliau.

Dengan imej, persepsi dan sentimen perkauman menebal dalam masyarakat politik Malaysia, cabaran madani adalah untuk memastikan soal 'kesatuan nasional' berjaya dicapai. Walaupun hubungan kaum di negara ini sentiasa berada dalam keadaan kurang baik, ia masih kekal dalam ruang 'ketegangan stabil' (*stable tension*) yang mampu dijayakan sekiranya projek Madani berjaya dicapai dengan baik.

Pembinaan institusi kemasyarakatan (keluarga dan negara) diberikan penekanan untuk melahirkan masyarakat menghidupkan semangat kebebasan, menyuburkan kemerdekaan diri, mengembalikan nilai kemanusiaan dan menyegarkan sikap berlapang dada konsisten dengan matlamat projek gagasan dibangunkan Anwar.

Mungkin perlu diamati bait-bait sasterawan besar Indonesia, WS Rendra: "Perjuangan adalah pelaksanaan kata-kata." Ini menjadi keutamaan Anwar sekarang apabila reformasi bukan lagi slogan, bahkan sudah menjadi agenda nasional.

Juga diharap, projek Malaysia MADANI dilaksanakan ini mencapai tiga matlamat utamanya selari prinsip sebagai 'projek sivik negara.'

Semua artikel penulis tamu adalah pendapat peribadi, bukan pendirian rasmi BH